

Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 19/2020 [Merchant Shipping Notice (MSN) 19/2020]- Frequently Asked Question (FAQ)

1. S: Bilakah NPM 19/2020 ini akan mula berkuatkuasa?

Q: *When is MSN 19/2020 will come into force?*

J: NPM 19/2020 akan mula berkuatkuasa bermula pada 1 Januari 2021, jam 0001 pagi.

A: *The MSN 19/2020 will come into force effective from 1st January 2021 at 0001 hrs.*

2. S: Apakah tujuan NPM 19/2020 ini dikeluarkan?

Q: *What is the objective of the issuance of MSN 19/2020?*

J: NPM 19/2020 ini dikeluarkan bagi memaklumkan kepada penyedia perkhidmatan marin bahawa:

A: *MSN 19/2020 is issued to inform marine service providers that:*

- i. **TIADA** kapal berbendera asing dibenarkan untuk beroperasi atau memberikan perkhidmatan marin di dalam mana-mana pelabuhan di Malaysia; dan
***NO** foreign flagged vessels are allowed to operate or provide marine services in any of Malaysian ports; and*
- ii. **MENGGUNAKAN** sepenuhnya iaitu **100% keanggotaan di atas kapal** adalah pelaut berwarganegara **Malaysia** bagi kapal/bot yang memberikan perkhidmatan marin bermula dari **1 Julai 2022**. Garis masa seperti yang dinyatakan di dalam NPM 19/2020 hendaklah dipatuhi.
***USING** completely **100% of manning onboard ship** to be filled by seafarers of Malaysian nationality for ship/boat which provide marine services effective from **1 July 2022**. The timeline stated in MSN 19/2020 must be complied with.*

3. S: Apakah yang dimaksudkan dengan pelabuhan di Malaysia?

Q: *What is meant by port in Malaysia?*

J: Pelabuhan di Malaysia bermaksud suatu pelabuhan atau tempat dalam Malaysia dan had pelabuhannya yang diisytiharkan oleh Menteri melalui gazet sebagai pelabuhan.

A: *Port in Malaysia means a port or place in Malaysia and its port limits declared to be a port by the Minister through a gazette.*

4. S: Apakah jenis kapal/bot yang terlibat bagi pemakaian notis ini?

Q: *What type of vessels does this Notice applies to?*

J: Notis ini terpakai kepada semua jenis kapal/bot yang beroperasi atau memberikan perkhidmatan marin **di dalam had batas pelabuhan** di Malaysia.

A: *This Notice applies to all type of vessels which is operating or providing marine services **within the port limits in Malaysia** .*

Contoh:

- i. Kapal pembekal bahan bakar kapal yang beroperasi di dalam had pelabuhan Kemaman. Perniagaan dan operasi sebagai penyedia perkhidmatan pembekalan bahan bakar kapal di daftarkan kepada Lembaga Pelabuhan Kemaman.

Example:

- i. *Vessel that operates as bunker services provider in Kemaman Port Limit. The business and operation of such vessel as bunker service provider is registered to Kemaman Port Authority.*

5. Apakah jenis kapal/bot berbendera asing yang diberi pengecualian dari pemakaian notis ini bagi operasi atau memberi perkhidmatan marin di dalam pelabuhan Malaysia?

What type of foreign flagged vessels exempted from the application of this notice to operate or provide marine services in Malaysian ports?

J: Kapal/bot jenis khas, contoh:

- i. kapal korek yang beroperasi mendalamkan laluan kapal dalam pelabuhan; dan
- ii. kapal salvej yang terlibat dalam operasi menyelamatkan kapal dalam kesusahan.

A: *Vessels of special purpose, example:*

- i. *Dredger involved in dredging operation of port channel within port limit; and*
- ii. *Vessel engaged in salvage operation of ship in distress*

6. S: Adakah kapal-kapal jenis khas seperti dalam soalan 5 memerlukan kelulusan untuk beroperasi atau memberi perkhidmatan marin?

Q: *Does special purpose vessels as stated in Question 5 require approval to operate or provide marine services?*

J: Ya, kelulusan untuk beroperasi atau memberi perkhidmatan perlu diperolehi dari Pegawai Pelabuhan.

A: Yes, approval to operate or provide marine services shall be obtained from Port Officer.

7. S: Notis ini tidak terpakai kepada kapal apa?

Q: Which vessels this Notice do not apply to?

J: Notis ini tidak terpakai kepada kapal/bot berbendera asing yang menjalankan aktiviti berikut:

- i. Pengambilan dan pemunggahan kargo (import/eksport);
- ii. Kapal bekalan luar pesisir;
- iii. Kapal membawa pekerja platform (FCB)

A: This Notice is not applicable to these types of vessels of foreign flag engaged in:

- i. Loading or discharging of cargoes (import/export);*
- ii. Offshore supply vessels;*
- iii. Fast crew boat (FCB) transferring offshore platform workers;*

8. S: Adakah Notis ini terpakai kepada kapal berbendera Malaysia?

Q: Does this Notice applies to Malaysian flagged vessels?

J: Ya, termasuk keanggotaan anak kapal sekiranya ia menjalankan perkhidmatan marin di dalam pelabuhan Malaysia seperti yang disenaraikan di dalam notis.

A: Yes, including the vessel's manning as long as it is to provide marine services within Malaysian ports as listed in the Notice.

9. S: Contoh, kapal tunda saya beroperasi antara pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, di Johor perlukah saya mematuhi arahan NPM ini?

Q: Example, my tug boat operate between Port of Pasir Gudang and Port of Tanjung Pelepas, do this MSN applies to my vessel?

J: Tidak

A: No